



Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Purchase Price GAP (PPG)

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan sekiranya mengalami kerugian sepenuhnya ataupun melangkaui pembaikan ekonomi berpunca daripada kerosakan akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian. Polisi ini akan membayar perbezaan antara inflasi harga pembelian kenderaan dan jumlah tuntutan yang dibayar oleh Polisi insurans komprehensif kenderaan.

2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Sekiranya kenderaan anda mengalami kerugian sepenuhnya berpunca daripada kemalangan, kebakaran atau kecurian, Polisi ini akan membayar anda amaun yang boleh ditutut, iaitu perbezaan jumlah antara:

- (a) Inflasi harga pembelian kenderaan, dan
- (b) Jumlah penyelesaian kerugian sepenuhnya daripada Polisi insurans motor komprehensif anda.

Nota:

- a. Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance Berhad atau PIDM (lajari www.pidm.gov.my).
- b. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk ciri dan manfaat lengkap produk.

3. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan Pilihan?

Tempoh maksimum perlindungan adalah 5 tahun seperti jadual di bawah. Tiada pilihan pembaharuan untuk perlindungan insurans ini.

Invois Harga Pembelian Di Polisi Insurans Komprehensif Kenderaan Anda yang Sah		Pelan Tahun Perlindungan PPG
1.	Amaun diinsuranskan keatas nilai yang dipersetujui	i. 2 tahun; ii. 3 tahun; iii. 4 tahun; atau iv. 5 tahun.
2.	Amaun diinsuranskan ke atas nilai pasaran	i. 1 tahun; ii. 2 tahun; iii. 3 tahun; iv. 4 tahun; atau v. 5 tahun.

4. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza bergantung kepada tahun perlindungan pelan anda dan buatan kenderaan bagi Polisi insurans motor komprehensif anda.

Contoh:

Buatan kenderaan: Perodua

Pelan Tahun Perlindungan: 5

Amaun Diinsuranskan: RM 46,800

	Premium Purchase Price Gap
Premium Tahunan (Termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem):	RM 718.63
Termasuk dalam premium	
Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	RM 65.61

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

Termasuk dalam premium	Amaun
Komisen kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

- **Kewajipan Pendedahan**

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda hendaklah mengambil penjagaan munasabah untuk menjawab semua soalan dengan lengkap, tepat, jujur berdasarkan sepanjang pengetahuan anda. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah dan relevan. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

- **Perubahan Risiko**

Jika pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, apa-apa penukaran berlaku dan mengubah secara material apa-apa fakta yang wujud pada tarikh cadangan, anda hendaklah memberi notis secara bertulis kepada kami dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh perubahan, dan hendaklah membayar premium tambahan sedemikian sebagaimana diperlukan oleh syarikat.

- **Pembayaran Sebelum Berkuatkuasa**

Pembayaran premium mesti dibuat sebelum Polisi ini berkuatkuasa.

- **Bayaran Premium**

Pembayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian kepada Berjaya Sompo Insurance Berhad. Sila simpan resit premium yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan.

- **Sumbangan**

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk bahagian kerugian kami yang berkadar jika anda mempunyai lebih daripada satu Polisi untuk melindungi kereta persendirian anda.

- **Polisi Insurans Komprehensif Kereta**

Anda perlu memegang Polisi insurans komprehensif kereta yang sah semasa membeli PPG, dan memastikan amaun diinsuranskan di dalam Polisi insurans komprehensif kenderaan anda TIDAK kurang daripada nilai pasaran yang ditentusahkan melalui sistem penilaian kenderaan bermotor yang diluluskan oleh industri. Syarikat insurans Polisi insurans komprehensif kereta anda perlu menyelesaikan tuntutan insurans berdasarkan jumlah kerugian sebelum Polisi PPG boleh dituntut.

- **Amaun yang Boleh Dituntut**

Ini merujuk kepada amaun yang boleh dituntut di PPG Polisi, iaitu perbezaan di antara invois harga pembelian kenderaan dan amaun kerugian sepenuhnya yang dibayar oleh Polisi insurans komprehensif kereta anda, di mana ia tidak melebihi RM200,000.00. Ia tertakluk kepada pelarasian untuk kekurangan amaun diinsuranskan dan juga dimana anda berbincang dan secara sukarela menerima tuntutan secara kerugian sepenuhnya yang rendah daripada amaun dipersetujui atau nilai pasaran kenderaan anda, amaun yang boleh dituntut ini akan menjadi amaun penyelesaian. Sekiranya jumlah pembayaran kerugian melebihi invois harga pembelian, jumlah yang boleh dituntut tidak akan dibayar kepada anda.

- **Lain-lain**

- a. Pembelian insurans ini mestilah tidak melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh invois pembelian.
- b. PPG Insurans tidak boleh diperbaharui ataupun dipindahmilik.
- c. Kelayakan: Kereta baru atau terpakai haruslah tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh pembuatan pada masa tarikh berkuat kuasa Polisi Ini.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi terma-terma dan syarat-syarat.

7. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak meliputi kerugian yang dikecualikan secara khusus di bawah Polisi ini, contohnya, sebarang kemalangan atau kejadian yang berlaku kepada jumlah kerugian sebelum tarikh permulaan Polisi ini atau anda atau pemandu yang anda beri kuasa berada di bawah pengaruh alkohol.

Nota: Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, kami akan mengekalkan premium minimum RM50.00, dan membayar balik premium dikira secara pro rata kepada anda. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dibayar balik sekiranya terdapat tuntutan yang dibayar atau diserahkan kepada kami semasa tempoh Polisi.

Nota: Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh syarat pembatalan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat hubungan/peribadi saya?

Anda harus memberitahu pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat hubungan/peribadi anda bagi memastikan semua maklumat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada pejabat cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan.

10. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

- Kenderaan anda dijelaskan sebagai Kerugian Sepenuhnya di bawah Polisi Insurans Motor Komprehensif
- Berikan notis bertulis kepada kami dengan butiran penuh dalam masa 7 hari selepas penyelesaian tuntutan Kerugian Sepenuhnya.
- Kami akan meluluskan dan membayar tuntutan hanya selepas penyelesaian tuntutan Kerugian Sepenuhnya.

11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Insurans Motor, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami semasa waktu operasi dari jam 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin-Jumaat) di 03-2170 7300 atau Talian Bebas Tol yang dinyatakan di bahagian bawah halaman ini.

12. Lain-lain jenis perlindungan Insurans yang boleh didapati?

Nil.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG BERSESUAIAN KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN KE ATAS JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. ANDA HARUS BACA DAN FAHAM KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-tema dan syarat-syarat yang lengkap yang dikenakan adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi.

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula dari April 2024.